



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
(PLANMalaysia)**

**ARAHAN**

**KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

**BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**KEMUDAHAN CUTI GANTIAN**

**TUJUAN**

1. Arahan Ketua Pengarah ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan kemudahan Cuti Gantian Perintah Am 40 Bab C (Cuti), bagi pegawai di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

**LATAR BELAKANG**

2. Kemudahan Cuti Gantian adalah diperuntukkan dalam Perintah Am 40 Bab C (Cuti), Perintah Am 11 Bab G (Waktu Bekerja dan Lebih Masa) dan melalui Ceraian SR.5.6.1-Kemudahan Cuti Gantian, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia MyPPSM.

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN BILANGAN  
2 TAHUN 2023**

3. Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan KPKT Bil.2 Tahun 2023 pada 18 Mei 2023, berhubung permohonan Cuti Gantian daripada Pegawai

kumpulan Pengurusan dan Profesional KPKT berdasarkan Perintah Am 40 Bab C (Cuti), para 40 “Seseorang pegawai yang tidak berkelayakan mendapat bayaran kerana bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain **BOLEH** diberi Cuti Gantian oleh Ketua Jabatan kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan. Cuti Gantian, hendaklah sama banyak dengan masa yang dipanggil bertugas lebih masa itu.”

4. Mesyuarat telah memutuskan:

- i. Pegawai KPKT dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional **tidak layak mendapat Cuti Gantian;**
- ii. Pegawai dalam kumpulan pelaksana layak mendapat Cuti Gantian sekiranya tidak menuntut bayaran elaun bekerja lebih masa; dan
- iii. Ketua Jabatan/Pengarah Bahagian boleh menggunakan budi bicara untuk mempertimbangkan kebenaran kepada pegawai terlibat yang bertugas sehingga lewat malam untuk hadir lewat ke pejabat pada hari berikutnya dengan memastikan kehadiran pegawai dipantau dan rekod kehadiran pegawai diperaku oleh Ketua Jabatan/Pengarah Bahagian.

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMALAYSIA)  
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

5. Mesyuarat telah memutuskan:

- i. Melaksanakan pemakaian arahan daripada keputusan Mesyuarat JAR KPKT Bil.2 Tahun 2023 bertarikh 18 Mei 2023; dan
- ii. Permohonan Cuti Gantian daripada semua lapisan pegawai yang

diterima **sebelum dan pada 7 September 2023** akan diproses dan kelulusan adalah tertakluk kepada Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

6. Arahan Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai **8 September 2023**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)**

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa

**12** September 2023